

08 NOV 1998

Lim-perabot

PM DIJADUAL RASMI PUSAT REKABENTUK PERABOT

SITIAWAN, 8 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual merasmikan Pusat Rekabentuk Perabot, yang akan mengetengahkan konsep rekabentuk perabot citarasa Malaysia untuk pasaran antarabangsa, di Cheras pada 20 Nov ini.

Pusat itu, yang diuruskan oleh Majlis Kayu-Kayan Malaysia (MTC) bagi memantapkan industri perabot tempatan di peringkat antarabangsa, terletak di aras tiga, Menara PGRM, Cheras.

Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, hari ini berkata pusat perabot itu dijangka dapat meningkatkan nilai eksport perabot negara selain membolehkan pengimport membuat tempahan tanpa perlu menunggu Pameran Perabot Antarabangsa (MIFF) pada setiap Mac untuk berbuat demikian.

Tahun lepas, Malaysia mengeksport barangan perabot bernilai RM3 bilion yang 100 kali ganda nilai eksport pada 1987 yang berjumlah RM30 juta, katanya kepada pemberita selepas merasmikan pertandingan kecerdasan mental (IQ) pelajar-pelajar Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Daerah Manjung di sini.

"Pusat Rekebentuk itu tidak sahaja akan menjadi tempat untuk menjual perabot tempatan malah sebagai ruang memasarkan perabot yang beridentitikan Malaysia di peringkat antarabangsa," katanya.

Lim berkata jika sebelum ini pengimport memberikan konsep rekabentuk mereka dengan menetapkan harganya, kini pakar rekebentuk tempatan akan mereka perabot beridentitikan Malaysia serta menetapkan harganya.

Menurutnya pusat itu dijangka dapat menyumbang kepada penghasilan rekebentuk perabot tempatan yang berkualiti dan mampu bersaing di pasaran terbuka.

Selain itu, pusat itu kelak akan menganjurkan kursus-kursus rekabentuk bagi mendapatkan rekabentuk perabot yang istimewa untuk negara.

Seramai 624 pelajar daripada 24 SRJKC di daerah ini menyertai pertandingan itu yang bertujuan mencungkil potensi IQ pelajar, yang kebanyakannya tinggal dan belajar di luar bandar.

--BERNAMA

LAT NAK